

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE  
(PETALING JAYA UTARA)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [ PETALING JAYA UTARA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai Pengarah dan pihak pengurusan utama syarikat SRC International Sdn Bhd pada hari ini. Adakah Encik Nik Faisal Ariff Kamil masih menjalankan tugas sebagai pengurus utama dan di manakah beliau sekarang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada pihak pengurusan

SRC International Sdn Bhd (SRC), Lembaga Pengarah SRC International Sdn Bhd kini terdiri daripada:

- i. YBhg. Datuk Suboh bin Md Yassin, Pemangku Pengerusi;
- ii. YBhg. Dato' Mohammed Azhar bin Osman Khairuddin, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan & Presiden; dan
- iii. Encik Nik Faisal Ariff Kamil, Pengarah Eksekutif.

Pengurusan utama syarikat telah diambil alih oleh YBhg. Dato' Mohammed Azhar bin Osman Khairuddin mulai 1 September 2014.